



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	7/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	-		

SEDANIA dapat kontrak jimat tenaga Pos Malaysia

BH, 7 Sept
2021_36

SEDANIA Innovator Bhd menerusi anak syarikatnya, SEDANIA Technologies Sdn Bhd memperoleh kontrak enam tahun dengan Pos Malaysia untuk pengurangan penggunaan tenaga melalui konsep simpanan bersama.

Ia akan menawarkan perkhidmatan teknologinya melalui rangka kerja Kontrak Prestasi Tenaga (EPC) yang membolehkan organisasi meneruskan objektif alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (ESG) dengan mengurangkan penggunaan tenaga pada asas sifar-CAPEX.

Sebelum ini, perkhidmatan Greentech Solutions SEDANIA ditawarkan kepada sektor perbankan dan telekomunikasi.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA, Daniel Ruppert, berkata usaha terbaru itu adalah satu titik penting kepada syarikat selepas ia memperluaskan sektor Greentech Solutions ke industri logistik dan rantaian bekalan, industri dengan ribuan pusat pemprosesan serta cawangan di seluruh Malaysia.

Beliau memuji inisiatif Pos Malaysia untuk mencapai kelestarian tenaga walaupun dalam keadaan semasa yang sangat mencabar.

"Kami amat teruja untuk

membantu Pos Malaysia mengurangkan kos operasinya dan mencapai matlamat kemampanan tenaga.



Daniel Ruppert

"Model yang kami tawarkan adalah ideal kerana tidak mengganggu bidang operasi atau kewangan.

"Oleh itu, kami menggalakkan organisasi lain turut sama melaksanakan agenda hijau secepat mungkin," katanya dalam satu kenyataan.

Kontrak enam tahun itu menandakan permulaan SEDANIA dalam sektor rangkaian bekalan yang menunjukkan pertumbuhan besar dalam tempoh 18 bulan lalu berikutan peningkatan jumlah membeli-belah dalam talian.

Berdasarkan laporan sebelum ini, Pos Malaysia melalui Pos Laju SendParcel menyempurnakan servis penghantaran dengan lebih 6.7 juta bungkusan dan menjana pendapatan RM45.5 juta pada 2020.

Fasa pertama merangkumi pelan kecekapan tenaga dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui di lapan tapak Pos Malaysia terpilih di Lembah Klang dan dijadualkan bermula tahun ini serta dijangka selesai dalam tempoh tiga bulan.